

Golongan OKU terus diberi perhatian

Persatuan Prihatin dan Penyayang sumbang kerusi roda *Sinar Harian 15/07/2010 M/S 519*

KUALA SELANGOR - Dua orang remaja iaitu Jeremy Lester, 15 dan Daniel Cheng, 20 yang mengalami penyakit Cerebral Palsy mendapat perhatian daripada Persatuan Prihatin dan Penyayang.

Mereka menerima dua kerusi roda daripada persatuan tersebut bagi memudahkan pergerakan masing-masing.

Presiden persatuan, K Jeevan berkata, ia adalah amanat bagi membantu orang kurang upaya (OKU) untuk memberi sinar baru dalam hidup mereka yang kurang bernasib baik.

"Sejak 10 tahun lalu, persatuan menyediakan perkhidmatan kebajikan ke arah komuniti miskin dan harapan untuk terus menyumbang kepada rakyat miskin pada masa akan datang.

"Selain itu, persatuan turut menawarkan perkhidmatan dalam keperluan dan objektifnya demi kemanusiaan bagi mereka yang tergelong dalam kemiskinan," katanya pada kenyataan media.

Beliau percaya, golongan masyarakat perlu keluar untuk melihat sendiri bagaima-



■ Jeevan (tengah) menyerahkan kerusi roda kepada Jeremy dan Daniel.

na orang yang tidak bernasib baik menderita supaya boleh mengetahui penderitaan yang ditanggung mereka itu.

"Semua orang berhak untuk gembira tetapi kenapa kita

tidak prihatin untuk membantu golongan kurang bernasib baik ini untuk turut merasai kegembiraan itu," katanya.

Jeevan berkata, diharapkan, orang awam dan syarikat

korporat bermurah hati untuk menderma ke arah masyarakat miskin bagi membolehkan mereka untuk mencapai kualiti hidup yang lebih baik dalam masyarakat umum.